
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

RLD 511 – Botani

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

- 2 -

1. (a) Huraikan tentang Stratifikasi dalam Hutan Hujan Tropika.
(5 markah)
- (b) Sekiranya anda dikehendaki membina sebuah taman konsep untuk pemuliharaan tumbuhan, bagaimanakah anda mencorakkan taburan tumbuhan di dalam taman tersebut?
(15 markah)
2. (a) Berikan sifat-sifat tumbuhan monokotiledon.
(5 markah)
- (b) Tumbuhan monokotiledon telah banyak digunakan sebagaimana tumbuhan landskap. Pilih **tiga (3)** famili dan **lima (5)** spesies monokotiledon yang biasa digunakan sebagai tumbuhan landskap.
(15 markah)
3. (a) Kenapakah tumbuhan monokotiledon sesuai dijadikan sebagai tumbuhan hiasan taman dan pejabat?
(10 markah)
- (b) *Ficus* sp. (Pokok Ara) telah menjadi tanaman hiasan yang penting. Berikan kebaikan dan keburukan tentang spesies tersebut.
(10 markah)
4. Bagaimanakah warna bahagian-bahagian tumbuhan memainkan peranan dalam persekitaran dan kesannya terhadap pertumbuhan tanaman tersebut?
(20 markah)
5. Bincangkan perimbangan pertumbuhan sesuatu tumbuhan dalam proses pembesaran dan ketinggian tumbuhan tersebut.
(20 markah)
6. Bincangkan laluan yang ditempuhi oleh debunga dalam proses persenyawaan bunga pada tumbuhan angiosperma.
(20 markah)